



PENANG 2ND BRIDGE LOYALTY PROGRAM

E28: JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

TERMA & SYARAT PROGRAM

Kempen "Penang 2nd Bridge Loyalty Program - Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ("JSAHMS")" ("**Kempen**") ini dianjurkan oleh Jambatan Kedua Sdn. Bhd. ("JKSB") ("**Penganjur**") sebagai tanda penghargaan kepada semua pengguna JSAHMS yang sering menggunakan jambatan ini untuk ke Pulau Pinang. Dengan menyertai Kempen ini, peserta-peserta bersetuju untuk terikat serta mematuhi terma dan syarat yang akan terikat dan membentuk perjanjian yang sah di antara anda dan pihak Penganjur. Penganjur berhak untuk meminda, menambah atau mengeluarkan mana-mana terma dan syarat penyertaan mengikut budi bicara tanpa sebarang notis.

Tempoh Kempen:

1. Kempen ini akan bermula dari **10 Ogos 2023** dan tamat pada **9 Februari 2024**. ("Tempoh Kempen").
2. Kempen akan berlangsung dalam 3 pusingan iaitu:
 - Pusingan Pertama : 10 Ogos 2023 – 9 Oktober 2023
 - Pusingan Kedua : 10 Oktober 2023 – 9 Disember 2023
 - Pusingan Ketiga (Final) : 10 Disember 2023 – 9 Februari 2024
3. Pihak penganjur boleh melanjutkan atau menukar tempoh kempen pada bila-bila masa tanpa sebarang notis mengikut budi bicara tunggal dan mutlak.

Kelayakan:

4. Peserta bagi **Kategori Individu** mestilah warganegara atau pemastautin tetap Malaysia yang memegang Kad Pengenalan yang sah (NRIC) nombor (12-digit) dan mestilah berumur 18 tahun ke atas pada tempoh penyertaan.
5. Peserta bagi **Kategori Komersil** pula terbuka kepada mana-mana perniagaan atau syarikat.
6. Individu/entiti yang **TIDAK LAYAK** menyertai kempen ini adalah seperti berikut:
 - a. Kakitangan tetap dan / atau Kakitangan kontrak dan / atau Kakitangan sambilan Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) (yang berkaitan dengan JKSB) serta ahli keluarga terdekat (ibu bapa, pasangan, anak, adik-beradik dan suami atau isteri masing-masing): dan
 - b. Konsultan, kontraktor dan penyedia perkhidmatan yang sedang melakukan kerja-kerja



dengan JKSB dan ahli keluarga terdekat mereka (ibu bapa, pasangan, anak, adik-beradik dan suami isteri masing-masi

Penyertaan Kempen:

7. Untuk menyertai Kempen ini, peserta perlu:
 - a. Menggunakan Jambatan Sultan Abdul Halim Muádzam Shah sebanyak 50 kali (minimum) untuk kategori Individu dan 100 kali (minimum) untuk kategori Komersil dalam tempoh 2 bulan untuk setiap pusingan.
 - b. Menghantar Penyata Transaksi Touch N Go E-Wallet (TnG E-Wallet Transaction History) dan / atau Penyata Transaksi Kad Touch N Go secara atas talian (online) ke loyaltyprogram@jambatankedua.com.my atau secara manual di Pejabat Operasi JKSB.
 - c. Menyertakan maklumat-maklumat peribadi pada borang yang disediakan (Lampiran 1).
 - d. Menghantar penyata tersebut selewat-lewatnya pada tarikh berikut:

Pusingan Pertama : 14 Oktober 2023

Pusingan Kedua : 14 Disember 2023

Pusingan Ketiga (Final) : 14 Februari 2024

- Jika tarikh-tarikh di atas jatuh pada hari Sabtu, Ahad atau cuti umum, tarikh-tarikh tersebut akan dilanjutkan ke hari berkerja berikutnya

8. Tiga (3) pengguna dengan kekerapan tertinggi dari setiap kategori akan dipilih sebagai pemenang untuk setiap pusingan. Pemenang Pusingan Pertama tidak layak untuk menyertai Pusingan Kedua tetapi masih layak untuk menyertai Pusingan Ketiga (Final). Ini bermakna sejumlah 18 pemenang akan dipilih untuk keseluruhan kempen ini.

Tempoh Kelayakan:

9. Semua penyertaan perlu dihantar dalam tempoh tarikh kelayakan. Sebarang penyerahan selepas tempoh kempen tidak akan dipertimbangkan.
10. Pihak Penganjur akan mengumumkan para pemenang kempen dengan menyiarkan nama-nama pemenang di halaman media sosial JKSB dalam tempoh masa tiga (3) minggu setelah tamatnya setiap tempoh pusingan.
11. Peserta diminta untuk sentiasa memeriksa halaman media sosial JKSB di sepanjang tempoh kempen dan sehingga pengumuman pemenang dibuat untuk mengelakkan terlepasnya sebarang maklumat yang dikemaskini daripada pihak Penganjur.
12. Pihak penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana peserta yang tidak mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Program ini atau jika penganjur berpendapat bahawa peserta gagal memenuhi mana-mana kriteria penyertaan oleh pihak penganjur.



Hadiah:

13. Hadiah-hadiah yang disediakan adalah seperti berikut:

Pusingan	Kategori	Hadiah
Pertama	Individu	Telefon Bimbit Redmi Note (3 pemenang)
	Komersil	Baucer Barangan Bernilai RM1,200 (3 pemenang)
Kedua	Individu	Telefon Bimbit Redmi Note (3 pemenang)
	Komersil	Baucer Barangan Bernilai RM1,200 (3 pemenang)
Ketiga (Final)	Individu	Televisyen Pintar 55" (3 pemenang)
	Komersil	Televisyen Pintar 55" (3 pemenang)

14. Semua hadiah diberikan "Seadanya" dan sama sekali tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditunaikan.
15. Sekiranya berlaku keputusan "Seri", hadiah akan diberikan kepada Peserta yang penyerahannya telah diterima lebih awal.
16. Semua keputusan pihak Penganjur adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat, rayuan atau pertanyaan tidak akan dilayan.

Penebusan Hadiah:

17. Sebelum pengumuman pemenang dihebahkan di media sosial JKSB, Peserta akan dihubungi sebanyak tiga (3) kali dalam masa tiga (3) hari berturut-turut selepas setiap keputusan untuk setiap pusingan dikeluarkan. Jika Peserta yang dipilih sebagai pemenang tidak dapat dihubungi, Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta dan akan memilih Peserta seterusnya yang layak.
18. Pemenang yang berjaya dihubungi akan diminta untuk menghadirkan diri ke Majlis Penyampaian Hadiah pada tarikh dan masa yang akan ditetapkan oleh pihak Penganjur untuk tujuan publisiti.
19. Majlis Penyampaian Hadiah tersebut akan diadakan di Pejabat Operasi JKSB di Kompleks Plaza Tol, Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Mukim 13, Batu Kawan, 14100 Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang atau di lokasi lain yang difikirkan sesuai oleh pihak Penganjur.
20. Pemenang yang tidak dapat hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah dikehendaki menghantar wakil



untuk tujuan tersebut. Wakil tersebut perlu memberikan surat kebenaran yang ditandatangani oleh Pemenang, Salinan Bukti oleh Pemenang dan Bukti Identiti wakil tersebut.

21. Pihak Penganjur berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa dengan budi bicara mutlak tanpa sebarang notis dan semua hadiah tidak boleh dipindah milik ke individu lain dan tiada rundingan sama sekali.
22. Semua Hadiah diberikan atas dasar "Seadanya" dan tidak boleh ditukar, dipindah milik atau ditebus dengan wang tunai, kredit, barangan atau baucer, sebahagian atau sepenuhnya.
23. Pihak penganjur tidak akan membuat sebarang jaminan atau representasi dalam apa jua perkara berkaitan dengan hadiah dan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua isu dan / atau kerosakan yang berlaku.
24. Semua pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau mana-mana kos, yuran dan/atau perbelanjaan berkaitan yang berlaku untuk menyertai Program dan menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah adalah tanggungjawab mutlak pemenang.

Lain-lain Terma & Syarat:

25. Dengan menyertai Program ini, peserta bersetuju untuk (i) menggunakan data peribadi dan / atau gambar sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan / atau publisiti; dan / atau (ii) untuk mendedahkan butiran kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan / atau rakan kongsi yang terlibat dengan pihak penganjur untuk tujuan Kempen dan / atau mana-mana kaji selidik untuk memahami tingkah laku penggunaan peserta.
26. Keputusan penganjur dalam setiap perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan terikat. Sebarang surat-menyurat atau pertikaian bagi menafikan keputusan penganjur tidak akan dilayan.
27. Dengan menyertai Kempen ini, anda juga mengakui dan faham bahawa promosi ini tidak ditaja, disokong, ditadbir atau dikaitkan dengan mana-mana media sosial.

Klausula Perlindungan Data Peribadi:

28. Peserta dengan ini telah bersetuju dan membenarkan JKSB untuk mengumpul, memproses, dan menyimpan butiran peribadi Peserta untuk menyertai Kempen dan untuk membolehkan JKSB menganjurkan Kempen tersebut dan akan diproses bagi sebarang tujuan pendidikan, pengiklanan, pemasaran, publisiti dan/atau apa-apa tujuan lain berkaitan penyertaan anda dalam pertandingan/peraduan dan/atau pameran bergerak kami, untuk menyediakan anda dengan produk-produk atau perkhidmatan yang anda meminta daripada kami, untuk menyediakan anda dengan terlebih dahulu notis peristiwa masa depan, untuk bertindak balas kepada pertanyaan, untuk memberikan anda maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan/atau siaran



baru yang mungkin menarik minat anda , menjemput anda dan langganan anda untuk surat berita kami, dan/atau untuk tujuan pengauditan dalam kes-kes di mana terdapat pertikaian, tujuan analisis data dan pemasaran pengguna ("Tujuan").

29. Peserta dengan ini seterusnya membenarkan JKSB untuk mendedahkan butiran peribadi Peserta kepada pihak ketiga, seperti kepada ibu pejabat kami, anak-anak syarikat, atas sebab-sebab yang berkaitan dengan Tujuan sahaja.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai Program ini, sila hubungi kami melalui [Facebook](#) / [Instagram](#) / Website JKSB atau menelefon di 1 300 30 2828 pada hari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum), dari 8:00 pagi hingga 5:00 petang.



PENANG 2ND BRIDGE LOYALTY PROGRAM
E28: JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

BORANG PENYERTAAN

Nama :.....

(hendaklah sama seperti yang tertera di atas Penyata Transaksi Touch N Go E-Wallet (TnG E-Wallet Transaction History) dan / atau Penyata Transaksi Kad Touch N Go.

No. Kad Pengenalan :.....

Alamat :.....

.....

.....

No. Telefon :.....

Email :.....

Kekerapan Penggunaan :.....

Tandatangan :..... Tarikh:.....

Dengan menyertai Program ini, peserta bersetuju untuk (i) menggunakan data peribadi dan / atau gambar sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan / atau publisiti; dan / atau (ii) untuk mendedahkan butiran kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan / atau rakan kongsi yang terlibat dengan pihak penganjur untuk tujuan Kempen dan / atau mana-mana kaji selidik untuk memahami tingkah laku penggunaan peserta.

Peserta dengan ini seterusnya membenarkan JKSB untuk mendedahkan butiran peribadi Peserta kepada pihak ketiga, seperti kepada ibu pejabat kami, anak-anak syarikat, atas sebab-sebab yang berkaitan dengan Tujuan sahaja.